



MPC.600-2/4/231

16 Julai 2021

**Ideal Connectors**

No 29, Jalan Sutera 2/1B,  
Taman Sutera 43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan.  
(U.P: **Pn Manzalina Binti Sulaiman**)

Puan,

**JEMPUTAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR UNTUK PROGRAM LATIHAN TEKNIK PENYELESAIAN MASALAH MELALUI KAEDAH ICC DI BAWAH PROGRAM SPPE 2021.**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Seksyen Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS) ingin menjemput Puan sebagai **Tenaga Pengajar** untuk program yang dinyatakan di atas.

3. Untuk makluman, kadar bayaran tenaga pengajar untuk program secara virtual yang ditetapkan oleh pihak JPPK MPC ialah sebanyak RM300.00 sejam. Bagi tujuan ini, pihak Puan adalah tertakluk kepada skop kerja (tenaga pengajar) seperti dalam Term of Reference di bawah. Butiran program adalah seperti di bawah:

- Tajuk : **Program Latihan Teknik Penyelesaian Masalah Melalui Kaedah ICC.**
- Tarikh : 2, 3, 4 Ogos 2021 (3 hari)
- Masa : 9.00 pagi – 1.00 tengahari (4 jam sehari)
- Tempat : Secara atas talian (Link akan diberikan kemudian)

**TERM OF REFERENCE (TOR)**

1. Kadar bayaran tenaga pengajar ialah RM300 sejam mengikut ketetapan dari pihak JPPK MPC.
2. Menyampaikan tajuk/ topik mengikut topik yang ditetapkan berkaitan iaitu **Program Latihan Teknik Penyelesaian Masalah Melalui Kaedah ICC.**

3. Tenaga pengajar perlu menyediakan bahan-bahan Latihan yang bersesuaian untuk pembelajaran secara mode atas talian seperti slide persembahan dan bahan-bahan AV (sekiranya ada dan berkaitan).
4. Menghadiri program bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran seperti tarikh yang dicadangkan oleh pihak MPC selama 4 jam sehari selama 3 hari sahaja.
5. Jumlah bayaran untuk tenaga pengajar adalah dibayar secara one-off iaitu sebanyak RM3,600.00.

4. Sekiranya pihak Puan bersetuju dengan tawaran ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan Surat Akuan Setuju Terima kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan Puan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak Puan bagi menjayakan program ini seperti yang sarankan oleh pihak MPC. Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta yang menyertai sesi tersebut, seterusnya dapat meningkatkan produktiviti mereka melalui perubahan landskap baharu industri di Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROSMI ABDULLAH)**

Pengarah

Seksyen Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

# PENGAKUAN PENERIMAAN

## Surat Setuju Terima Dan Lampiran Yang Berkaitan Oleh Syarikat

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas. Salinannya yang mana telah disimpan.

-----  
} Tandatangan Syarikat

Nama Penuh :  
No Kad Pengenalan :  
Alamat :  
No Akaun Bank :  
Nama Bank :  
Tarikh :

-----  
} Tandatangan Wakil Syarikat

-----  
Nama Penuh :  
No Kad Pengenalan :  
Alamat :  
Tarikh :

Diberikan dengan sempurna untuk manandatangani untuk dan bagi pihak:

-----  
Meterai atau Cop Syarikat

Tarikh:.....